

**PROSEDUR DAN GARIS PANDUAN**  
**KEMUDAHAN PEMBAYARAN BALIK (*REFUND*) DUTI IMPORT KEPADA PENGIMPORT**  
**YANG LAYAK MENIKMATI LAYANAN TARIF BERKEUTAMAAN DI BAWAH**  
**PERJANJIAN KOMPREHENSIF DAN PROGRESIF BAGI PERKONGSIAN TRANS-**  
**PASIFIK (*COMPREHENSIVE AND PROGRESSIVE AGREEMENT FOR TRANS-PACIFIC***  
***PARTNERSHIP – CPTPP***

1. Pelaksanaan prosedur dan garis panduan ini adalah meliputi perkara-perkara berikut:
  - 1.1. Pewartaan Perintah Duti Kastam (PDK) Barang-Barang di bawah Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik rujukan P.U.(A)406/2022 pada 30 Disember 2022 tetapi disifatkan berkuat kuasa mulai 29 November 2022.
  - 1.2. Tatacara permohonan tuntutan pembayaran balik (*refund*) duti / cukai kastam selaras dengan perundangan yang berkuatkuasa.
  - 1.3. Tanggungjawab pemohon semasa mengemukakan permohonan.
2. **Pewartaan Perintah Duti Kastam Barang-Barang di bawah Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik rujukan P.U.(A)406/2022 pada 30 Disember 2022 tetapi disifatkan berkuat kuasa mulai 29 November 2022.**
  - 2.1. Dalam tempoh penangguhan pewartaan PDK tersebut (29 November 2022 hingga 30 Disember 2022) didapati terdapat transaksi import / eksport yang telah berlaku antara Malaysia dengan pengimport dari negara-negara anggota CPTPP.
  - 2.2. Selaras dengan seksyen 11(1) dan seksyen 14(2)(b) Akta Kastam 1967 (Akta 235), YAB Menteri Kewangan telah **bersetuju** supaya Malaysia membuat pembayaran balik (*refund*) duti import kepada pengimport dari negara-negara anggota CPTPP yang terbabit mulai 29 November 2022 hingga 30 Disember 2022 tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:
    - 2.2.1. Permohonan tuntutan pembayaran balik (*refund*) duti import dikemukakan dalam **tempoh satu (1) tahun** dari tarikh pengimportan dagangan masuk ke Malaysia. Mengemukakan permohonan tuntutan pembayaran balik (*refund*) ke Cawangan Perakaunan Hasil (CPH), Bahagian Perkhidmatan Teknik, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Zon / Negeri / Stesen.
3. **Tatacara permohonan tuntutan pembayaran balik (*refund*) duti / cukai kastam selaras dengan perundangan yang berkuat kuasa.**
  - 3.1. Permohonan tuntutan pembayaran balik (*refund*) hendaklah dikemukakan ke CPH, Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM Zon / Negeri / Stesen di mana syarikat / pemohon itu beroperasi atau di mana premis perniagaannya berada.

- 3.2. Permohonan tuntutan hendaklah dibuat secara bertulis menggunakan **Borang JKDM No. 2** seperti di **Lampiran A**.
  - 3.3. Penyata pengiraan tuntutan pembayaran balik (*refund*) seperti di **Lampiran B** juga hendaklah dilengkapkan dan dihantar bersama-bersama Borang JKDM NO. 2 semasa permohonan dibuat.
  - 3.4. Mengemukakan permohonan tuntutan berserta dokumen dan maklumat tambahan yang diperlukan berdasarkan senarai semak di **Lampiran C**.
- 
4. **Tanggungjawab pemohon semasa mengemukakan permohonan.**
    - 4.1. Memastikan permohonan tuntutan yang dikemukakan mematuhi semua syarat-syarat tuntutan pembayaran balik (*refund*) duti / cukai kastam selaras dengan kehendak peruntukan akta dan peraturan semasa. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi adalah:
      - i. Permohonan tuntutan pembayaran balik (*refund*) duti import dikemukakan dalam **tempoh satu (1) tahun** dari tarikh pengimportan dagangan masuk ke Malaysia.
      - ii. Mengemukakan permohonan tuntutan pembayaran balik (*refund*) ke CPH, Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM Zon / Negeri / Stesen.
      - iii. Tuntutan hendaklah dibuat secara bertulis menggunakan **Borang JKDM No. 2**.
    - 4.2. Memastikan maklumat yang dikemukakan semasa permohonan dibuat adalah betul dan tepat.
    - 4.3. Pemohon perlu memastikan tuntutan yang sama tidak dihantar ke mana-mana pejabat JKDM yang lain.
    - 4.4. Membenarkan pemeriksaan dibuat ke atas rekod dan dokumen oleh mana-mana Pegawai Kanan Kastam pada bila-bila masa yang dikehendaki.
    - 4.5. Pihak syarikat atau pemohon adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan apa-apa dokumen tambahan yang diminta sekiranya perlu oleh Pegawai Proses CPH, Bahagian Perkhidmatan Teknik, JKDM Zon / Negeri / Stesen berkaitan dengan permohonan tuntutan ini.

## **Maklumat Tambahan**

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai permohonan tuntutan pembayaran balik (*refund*) duti import kepada pengimport dari negara-negara anggota CPTPP ini, sila hubungi:

**Alamat** : Unit Tuntutan  
Cawangan Perakaunan Hasil  
Bahagian Perkhidmatan Teknik  
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Putrajaya.  
**Telefon** : 03-8882 2447, 03-8882 2560, 03-8882 4908, 03-8882 2436  
**e-mel** : [tuntutan@customs.gov.my](mailto:tuntutan@customs.gov.my)

**JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA**

*ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT*

**TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK / PULANG BALIK DUTI / CUKAI / LAIN-LAIN**  
*CLAIM FOR REFUND / DRAWBACK OF DUTY / TAX / OTHERS*

**JKDM NO. 2**

Nota Penting/*Important notes:* i. Hanya satu (1) tuntutan sahaja dibenarkan untuk setiap borang JKDM No.2. / Only one (1) claim allowed for each JKDM 2 Form  
ii. Sila tandakan  pada petak yang berkenaan. / Please tick  in the relevant box.

<b>PEMBAYARAN BALIK / REFUND</b>		<b>PULANG BALIK / DRAWBACK</b>		<b>LAIN-LAIN / OTHERS</b>	
(a) Akta Kastam 1967 / Customs Act 1967 Seksyen 11/Section 11		(a) Akta Kastam 1967 / Customs Act 1967 Seksyen 93/Section 93		Nyatakan Akta dan Seksyen yang berkenaan: <i>Please state the relevant Act and Section:</i>	
(b) Akta Eksais 1976 / Excise Act 1976 Seksyen 13/Section 13		(b) Akta Eksais 1976 / Excise Act 1976 Seksyen 19/Section 19			
(c) Akta Cukai Jualan 2018/Sales Tax Act 2018 Seksyen 10/Section 10		Seksyen 19A/Section 19A			
Seksyen 36/Section 36		(c) Akta Cukai Jualan 2018/Sales Tax Act 2018			
(d) Akta Cukai Perkhidmatan/Service Tax Act 2018 Seksyen 10/Section 10		Seksyen 40/Section 40			
Seksyen 35/Section 35					
<b>A. BUTIRAN PENUNTUT / CLAIMANT PARTICULARS</b>					
1. Nama <i>Name</i>			15. Nama Stesen <i>Station Name</i>	Kod Stesen <i>Station Code</i>	16. No. Rujukan <i>Reference No.</i>
2. Alamat <i>Address</i>			17. Tarikh Terima <i>Date Received</i>	Masa Terima <i>Time Received</i>	
Poskod <i>Postcode</i>	Negeri <i>State</i>		D D M M Y Y Y Y		
			4. No. Pendaftaran Cukai Jualan / Cukai Perkhidmatan* <i>Sales Tax / Service Tax Registration No.*</i>		
3. No. Pendaftaran Syarikat / Perniagaan atau No. KP / Passport <i>Company Business Registration No. or NRIC / Passport No.</i>			5. No. Akaun Bank Penuntut <i>Claimant's Account No.</i>		
			Nama Bank Penuntut <i>Claimant's Bank Name</i>		
<b>B. BUTIRAN EJEN / AGENTS' PARTICULARS (JIKA BERKENAAN / IF APPLICABLE)</b>					
6. Nama dan Alamat Ejen Yang Diberi Kuasa <i>Name and Address of the Authorized Agent</i>			7. Kod Ejen <i>Agent Code</i>		
			D D M M Y Y Y Y		
			8. No. Pendaftaran Cukai Perkhidmatan* <i>Service Tax Registration No.*</i>		
<b>C. BUTIRAN TUNTUTAN / PARTICULARS OF CLAIMS</b>					
9. No. Pendaftaran Borang Perakuan / Lain-lain <i>Declaration/ Other Form's No.</i>			*Sila tandakan <input checked="" type="checkbox"/> pada petak yang berkenaan. <i>*Please tick <input checked="" type="checkbox"/> in the relevant box.</i>		
Borang Kastam <i>Customs Form</i> <input type="checkbox"/>			Borang Eksais <i>Excise Form</i> <input type="checkbox"/>	Lain-lain <i>Others</i> <input type="checkbox"/>	Sila Nyatakan <i>Please State</i>
No. Borang <i>Form's No.</i>			No. Resit / Invois <i>Receipt / Invoice No.</i>	Tarikh Resit / Invois <i>Date of Receipt/Invoice</i>	
				D D M M Y Y Y Y	
10. Pengiraan Tuntutan (Sila gunakan muka surat sebelah jika ruangan tidak mencukupi) <i>Calculation of Claim (Please use overleaf if space is insufficient)</i>					
<b>D. PERAKUAN / DECLARATION * Potong yang mana tidak berkenaan/Delete whichever is not applicable</b>					
11. Saya mengaku bahawa barang dalam borang perakuan di atas telah diimport / dieksport / dibeli / dijual* dan tidak dimaksudkan untuk didaratkan di mana-mana tempat dalam Malaysia dan notis tuntutan telah dibuat. Saya memperakui bahawa tidak ada tuntutan dibuat sebelum ini dan semua maklumat yang diperakuan dalam borang ini adalah lengkap, tepat dan benar. <i>I certify that the goods in the declaration form above were imported/exported / purchased / sold* and are not intended to be landed at any place in Malaysia and a notice of claim has been made. I certify that no previous claim has been made and information declared in this Form is complete, true and correct.</i>			12. Nama Penuntut atau Orang Yang Mewakili / Ejen Yang Diberi Kuasa <i>Name of Claimant or Representative / Authorized Agent</i>		
			13. No. KP / Passport <i>NRIC / Passport No.</i>	<input type="checkbox"/>	
Tandatangan Penuntut atau Orang Yang Mewakili / Ejen Yang Diberi Kuasa <i>Signature of Claimant or Representative / Authorized Agent:</i>			14. Jawatan/Designation:		

Pengiraan Tuntutan / *Calculation of Claim*

## PANDUAN MENGISI BORANG JKDM NO.2

### A. BUTIRAN PENUNTUT

1. Dalam ruang ini sila nyatakan nama penuh penuntut.
2. Dalam ruang ini sila nyatakan alamat penuntut.
3. Dalam ruang ini sila nyatakan No. Pendaftaran Syarikat/ Perniagaan atau Nombor Kad Pengenalan/ Nombor Pasport penuntut.
4. Dalam ruang ini sila nyatakan nombor pendaftaran Cukai Jualan atau Cukai Perkhidmatan penuntut.
5. Dalam ruang ini sila nyatakan nombor akaun dan nama bank penuntut bagi tujuan pembayaran wang tuntutan yang telah diluluskan.

### B. BUTIRAN EJEN

6. Ruang ini perlu diisi oleh ejen yang mempunyai kebenaran di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967 dan telah diberi kuasa oleh syarikat untuk mengemukakan tuntutan. Dalam ruang ini juga sila nyatakan nama penuh dan alamat ejen yang diberi kuasa dengan melampirkan surat kuasa dari syarikat (jika berkenaan).
7. Ruang ini perlu diisi oleh nombor kod ejen yang diberikan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia kepada ejen yang mempunyai kebenaran di bawah Seksyen 90 Akta Kastam 1967.
8. Dalam ruang ini sila nyatakan nombor pendaftaran Cukai Perkhidmatan ejen tersebut.

### C. BUTIRAN TUNTUTAN

9. Dalam ruang ini sila tandakan ruang berkenaan, nyatakan nombor pendaftaran borang pengisytiharan, serta nombor dan tarikh resit atau invois berkaitan tuntutan.
10. Dalam ruang ini sila nyatakan ringkasan pengiraan tuntutan dan sila guna muka surat sebelah jika ruangan tidak mencukupi.

### D. PENGISYTIHARAN

11. Ruang ini hendaklah ditandatangani oleh penuntut atau orang yang mewakili syarikat yang menuntut atau ejen yang diberi kuasa. Orang yang mewakili syarikat hendaklah terdiri daripada pekerja syarikat yang telah diberi kebenaran untuk mewakili syarikat dan surat kebenaran tersebut hendaklah dilampirkan bersama tuntutan ini.
12. Dalam ruang ini sila nyatakan nama penuh penuntut atau orang yang mewakili syarikat yang menuntut atau ejen yang diberi kuasa.
13. Dalam ruang ini sila nyatakan nombor Kad Pengenalan atau pasport penuntut atau orang yang mewakili syarikat yang menuntut atau ejen yang diberi kuasa.
14. Dalam ruang ini sila nyatakan jawatan penuntut atau orang yang mewakili syarikat yang menuntut atau ejen yang diberi kuasa.

### E. UNTUK KEGUNAAN RASMI

15. Ruang ini adalah untuk kegunaan rasmi.
16. Ruang ini adalah untuk kegunaan rasmi.
17. Ruang ini adalah untuk kegunaan rasmi.

## LAMPIRAN B

**PENYATA PENGIRAAN TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK (REFUND) DUTI / CUKAI KASTAM**

BIL.	JENIS DUTI / CUKAI	SEKSYEN TERLIBAT	DUTI / CUKAI / PENALTI YANG TELAH DIBAYAR				DUTI / CUKAI / PENALTI YANG SEPATUTNYA DIBAYAR				JUMLAH TUNTUTAN DUTI / CUKAI / PENALTI YANG DITUNTUT (RM)
			NO. BORANG IKRAR	TARIKH	NO. RESIT	TARIKH	NILAI DUTI / CUKAI / PENALTI (RM)	NO. BORANG IKRAR	TARIKH	NO. RESIT	
JUMLAH				JUMLAH							

Saya mengaku bahawa semua butiran maklumat yang dinyatakan adalah benar, dan tidak akan mengemukakan tuntutan yang sama di mana-mana cawangan JKDM yang lain.	
Tandatangan: Nama: No. Kad Pengenalan: Jawatan: Tarikh:	Cap Syarikat:

Sila nyatakan formula pengiraan tuntutan:
---

**LAMPIRAN C**

<b>SENARAI SEMAK TUNTUTAN PEMBAYARAN BALIK (<i>REFUND</i>) / PULANG BALIK (<i>DRAWBACK</i>) DUTI / CUKAI KASTAM</b>			
<b>Bil.</b>	<b>Dokumen</b>	<b>Pemohon</b>	<b>JKDM</b>
		<b>Ada (✓)</b>	<b>Ada (✓)</b>
1.	Surat Permohonan Tuntutan Pembayaran Balik ( <i>Refund</i> ) / Pulang Balik ( <i>Drawback</i> ) Duti / Cukai Kastam.		
2.	Borang JKDM No.2		
3.	Penyata Pengiraan Tuntutan Pembayaran Balik ( <i>Refund</i> ) / Pulang Balik ( <i>Drawback</i> ) Duti / Cukai Kastam.		
4.	Borang Kastam No.1 / Kastam No.9 *Borang K1 <b>tidak</b> perlu dikemukakan bagi tuntutan di bawah Seksyen 93 Akta Kastam 1967 sahaja.		
5.	Borang Kastam No.2 / Lampiran J *Borang K2 <b>tidak</b> perlu dikemukakan bagi tuntutan di bawah Seksyen 93 Akta Kastam 1967 sahaja, *Hanya satu (1) Borang Kastam No. 2 / Lampiran J untuk satu (1) Borang JKDM No.2.		
6.	Resit Rasmi Bayaran Duti / Cukai Kastam		
7.	Resit Bayaran Invois Cukai Terlibat		
8.	Senarai Jualan ( <i>Sales Listing</i> ) daripada Pengilang Berdaftar kepada Penuntut *Terpakai untuk permohonan tuntutan di bawah Seksyen 40 Akta Cukai Jualan 2018 sahaja.		
9.	Invois / <i>Packing List Import / Eksport</i>		
10.	<i>Bill of Lading (BL) / Airway Bill</i>		
11.	Sijil Tempasal ( <i>Certificate of Origin</i> )		
12.	Surat Kelulusan / Pengecualian daripada Kementerian Kewangan / Agensi lain / Ibu Pejabat JKDM		
13.	Sijil Keputusan Klasifikasi Barang / Penilaian		
14.	Pengesahan Nombor Akaun Bank i. Nama, alamat dan nombor akaun bank ii. Salinan Penyata Bank (Muka Depan) iii. No. Pendaftaran Perniagaan		
15.	Surat Kuasa ( <i>Letter of Authorization</i> )		
16.	Lain-Lain Dokumen Berkaitan (Nyatakan: .....		
<b>Tandatangan Pemohon:</b>			
<b>Tandatangan Penerima (Pegawai JKDM):</b>			
<b>Nota:</b> Semua dokumen yang dikemukakan hendaklah <b>dokumen asal</b> dan disertakan bersama dengan satu (1) set salinan pendua.			